

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DI UPACARA PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN  
JALANRAYA NEGARA DI STADIUM NEGARA,  
KUALA LUMPUR PADA 21 JUN 1967**

---

**Tuan Pengerusi,  
Tuan-tuan Yang Terutama,  
Yang-yang Terhormat,  
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian:**

**S**aya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan pelancaran kempen Keselamatan Jalanraya Negara pada hari ini.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jawatankuasa Kempen Keselamatan Jalanraya Negara yang telah berusaha memberi tenaga masing-masing untuk melancarkan kempen ini. Dalam hal ini saya juga tidak ketinggalan memberi kepujian saya kepada Jawatankuasa Kecil yang menjalankan beberapa urusan untuk menjayakan kempen tersebut ini. Saya harap kempen ini akan disambut baik oleh orang-orang ramai sekalian terutama orang-orang yang menggunakan jalanraya iaitu pengguna-pengguna kereta dan orang-orang biasa yang lalu lintas jalanraya-jalanraya kita di semua tempat di Malaysia Barat.

Sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Tuan Pengerusi sebentar tadi, tujuan kempen ini ialah mengingatkan dan memberikan kesedaran kepada rakyat sekalian supaya sentiasa berwaspada untuk mengelakkan segala bahaya dan kemalangan dan selanjutnya juga supaya kita semua mematuhi peraturan-peraturan lalu lintas jalanraya. Untuk menjayakan tujuan ini, tuan-tuan dan puan-puan sekalian hendaklah memberikan kerjasama kepada pihak-pihak yang berkuasa sebagai menunjukkan teladan-teladan yang betul dan cara-cara yang baik apabila memandu kereta masing-masing atau apabila menggunakan jalanraya.

Semenjak negara kita Merdeka 10 tahun dahulu, Kerajaan telah memberi banyak kemudahan-kemudahan seperti membina sekolah-sekolah, rumah-rumah sakit, balai-balai raya dan rumah-rumah ibadat. Tidak ketinggalan juga Kerajaan telah membinakan beratus-ratus batu jalanraya-jalanraya di beberapa tempat sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Ini adalah termasuk dalam rancangan pembangunan negara kita. Dengan pembinaan jalanraya-jalanraya ini

kita telah menyaksikan yang bilangan kereta-kereta makin bertambah dengan berlipat ganda dan perkara yang tidak kita ingini iaitu kemalangan jalanraya telah juga menjadi-jadi. Saya harap kebahagiaan hidup yang telah kita dicapai melalui kemerdekaan tidak membawa akibat yang buruk seperti kemalangan-kemalangan jalanraya kerana sesuatu kemalangan itu selalunya memberi penderitaan dan kesusahan kepada keluarga yang kehilangan penjaganya atau seseorang ahli keluarga yang dikasihi. Saya fikir kemalangan ini tidak akan berlaku jika kita menurut dan memerhati segala peraturan-peraturan lalu lintas yang disediakan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Oleh yang demikian saya suka menyeru kepada orang ramai sekalian supaya selagi zaman pembangunan negara kita memberi faedah-faedah kemajuan, faedah-faedah ini hendaklah diamalkan dengan lebih memberi lebih kebahagiaan dan kegembiraan lagi kepada rakyat sekalian dan bukanlah supaya membinasakan kita sama sendiri yang terjadi dalam kemalangan-kemalangan jalanraya akibat kegunaan kereta-kereta tanpa menimbang rasa ataupun menghiraukan peraturan-peraturan lalu lintas.

Dalam kempen ini saya sukacita juga melihat bahawa pihak Kerajaan telah mendapat kerjasama yang baik daripada pihak badan-badan di luar Kerajaan yang memberi sumbangan tenaga dan wang ringgit untuk bersama-sama menjayakan kempen ini. Dengan pakatan ini maka terbukti juga bahawa badan-badan perniagaan dan sukarela di luar daripada Jabatan Kerajaan boleh memainkan peranan yang penting untuk kebahagiaan masyarakat. Saya berharap banyak lagi badan-badan sebagai yang saya dapati dalam kempen ini akan memberi sumbangan-sumbangan mereka untuk menjayakan kempen-kempen yang bercorak kebahagiaan dan keselamatan kepada masyarakat di negara ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan, saya tidak suka mengambil masa yang panjang lagi dalam ucapan ini. Sebagai menyudahi ucapan pembukaan saya ini eloklah saya ingatkan sekali lagi dengan cogan kata kempen ini iaitu "Keselamatan Jalan raya Terletak di Tangan Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian". Saya juga suka menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian bahawa cogan kata ini patut menjadi panduan kepada pemandu-pemandu dan pengguna-pengguna jalanraya sekalian setiap masa.

Dengan sukacitanya saya merasmikan pelancaran kempen Keselamatan Jalanraya Negara bagi tahun ini.